

# Jual Beli Kontemporari Dan Maqasid Syariah

## SEMINAR FIQH JUAL BELI : PERNIAGAAN ONLINE DARI PERSPEKTIF ISLAM/PATUH SYARIAH.

Tarikh : 17 OKTOBER 2015 (Sabtu)  
Masa : 8.30pagi – 5.00petang  
Tempat : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak.

Prof Madya Dr Azman Mohd Noor,  
Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, UIA  
[www.drazman.net](http://www.drazman.net)



# Isi Pembentangan

- Pengenalan ringkas tentang jual beli dalam perniagaan
- Pengertian, hukum & syarat jual beli
- Perlesenan (LESEN & TANPA LESEN)
- Jaminan 'warranty', khiyar & insuran
- Maqasid syariah di sebalik pensyariatan jual beli


# Pengenalan

- Mencari rezeki adalah digalakkan untuk melengkapkan pelaksanaan tanggungjawab agama seperti solat, puasa, zakat dan haji.
- Ummat disuruh mencari rezeki yang halal dan mendapatkan keberkatan melalui perniagaan, pertanian dan perkhidmatan.
- Di antara sifat positif yang dianjurkan, berilmu, tekun dan rajin bekerja, jujur dan amanah.
- Mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat, tidak abaikan ibadat.

# Cara Perolehan Harta Dalam Islam

- 1. Kontrak Mu'awadah (Aqad pertukaran) seperti jual beli, sewaan, upah kepada khidmat dan pekerjaan.
- 2. Aqad Tabarru, seperti sedekah, hibah, wasiat, waqaf dll.
- 3. Pewarisan harta pusaka.
- 4. Pertumbuhan daripada harta yang sudah ada seperti bertambahnya binatang ternakan.
- 5. Pengambilan pemilikan ke atas sumber alam yang dibenarkan seperti kayu api di hutan, air di sungai atau ikan di laut.

# JENIS JENIS AQAD/KONTRAK



# JENIS JENIS KONTRAK/AKAD YANG BIASA DIGUNAKAN OLEH KEWANGAN ISLAM

CONTRAK	PIHAK A	PIHAK B	SUBJEK AKAD	HARGA/PENE RIMA	BENTUK AKAD
<b>BAY' (JUAL BELI)</b>	Penjual	Pembeli	Aset	Harga	Ijab dan Kabul
<b>ISTISNA'</b>	Penjual (Manufacturer)	Pembeli	Aset	Harga	Ijab dan Kabul
<b>MUDHARABAH</b>	Pelabur	Pengusaha/Entrepreneur	Projek	Kadar Perkongsian Keuntungan	Ijab dan Kabul
<b>IJARAH</b>	Pemunya	Penyewa	Aset sewaan	Bayaran Sewa	Ijab dan Kabul
<b>WAKALAH</b>	Muwakkil/Principal	Wakil	Mandat	Upah	Ijab dan Kabul
<b>KAFALAH</b>	Penjamin	Orang yang dijamin	Perkara yang dijamin	Penerima	Ijab dan Kabul
<b>QARDH</b>	Pemberi Pinjaman	Peminjam	Duit/ Asset	-	Ijab dan Kabul

# Pengenalan ringkas tentang jual beli dalam perniagaan

- Takrif perniagaan. “Qalb mal bi al mal min aji al ribh” Tukar barang kepada barang dengan tujuan mendapatkan keuntungan
- Perolehan dan pemilikan berlaku dengan qabad dan serahan (tamkin dan takhliyah).
- Perolehan keuntungan/hasil jualan dikaitkan dengan penanggunan pemilikan (الغرم بالغنم)
- Ia adalah aqad muawadah yg ketat syaratnya

# Ciri-Ciri Aqad Mu'awadah (Contract of Exchange)

- Mu'awadah merujuk kepada kontrak yang melibatkan pertukaran dua barangan, perkhidmatan atau apa apa pertimbangan (consideration).
- Ia melibatkan perpindahan pemilikan, hak dan obligasi.
- Ia melibatkan pendedahan kepada penanggunan risiko.
- Kaedah umum bagi aqad mu'awadah ialah perolehan manfaat /keuntungan ( win-win) kepada kedua dua pihak yang berkontrak dan secara urufnya tidak ada pihak yang akan menanggung kerugian.
- Kejahilan, gharar dan ghubn tidak dimaafkan dan boleh membatalkan aqad.
- Aqad mestilah dilakukan secara sukarela dan persetujuan kedua dua pihak yang berkontrak.
- Ia hanya boleh dilakukan pada perkara yang bernilai dan wujud semasa beraqad.



# RUKUN AKAD JUAL BELI

**Takrif Jual Beli: Menukar sesuatu perkara dengan perkara lain dalam bentuk mengikat**

معاوضة الشيء بالشيء على وجه اللزوم

## Rukun Utama Aqad Jual Beli:

1. Perkara/subjek yang diniagakan

2. Pihak berkontrak

3. Sighah/Ijab dan qabul

Perkara

Harga

Penjual

Pembeli

Tawaran (Ijab)

Penerimaan (Qabul)

*Aqad jual beli melibatakan pertukaran hak milik, obligasi menyerah barang dan membuat bayaran.*

# 1. PERKARA YANG DINIAGAKAN

Merujuk kepada perkara yang mana aqad berlaku dan dimanefastasikan ke atasnya. Sebagai contoh, perkara yang diniagakan untuk Aqad Jual beli seperti kereta, buku perkhidmatan dll dan harga/bayaran yang diperstujui. Manakala untuk Aqad Ijarah adalah aset yang disewakan dan bayaran sewa.

## Syarat-syarat:

### 1. Kewujudan barang semasa aqad termeterai

- Sesuatu aqad akan terjejas jika barang yang diniagakan tidak wujud ataupun sesuatu barang yang kewujudannya di masa hadapan adalah mustahil.

### 2. Spesifikasi (*ta'yin*) yang jelas untuk barang yang diniagakan

- Sebarang bentuk kejahilan dan ketidaktentuan yang serius dan utama dalam perkara yang diniagakan akan mengakibatkan kontrak itu batal

### 3. Kepastian bahawa perkara yang diniagakan mampu diserahkan

### 4. Perkara yang diniagakan adalah halal dan sah di sisi Syara'

## 2. PIHAK-PIHAK YANG BERKONTRAK

### Syarat-syarat:

Mempunyai *ahliyyah* (legal capacity) yang menyebabkan dia berkelayakan (*salih*) untuk menawarkan atau menerima tawaran dalam sesuatu aqad

#### **1. Ahliyyah Al-Wujub**

- ✓ Berkelayakan daripada segi undang-undang yang menjadikannya berhak menerima pemilikan, hak dan kewajipan.

#### **2. Ahliyyah Al-Ada'**

- ✓ Kapasiti undang-undang membolehkan seseorang bertasurruf (berurusan) dengan hak dan miliknya dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Shara'.

### 3. SIGHAH (IJAB DAN QABUL AQAD)

- ✓ Satu ungkapan(ekspresi) yang dilakukan oleh pihak yang berkontrak untuk mengisytiharkan kehendak (iradah) mereka untuk melaksanakan kontrak dan seterusnya terikat dengan kewajipan dan tanggungjawab yang tertentu.
- ✓ Perkara ini dapat dilihat secara jelas melalui tawaran ( *ijab* ) yang dibuat oleh pembuat tawaran dan penerimaan ( *qabul* ) yang dibuat oleh penerima tawaran .

<b>1. Lisan</b>	➤ Cara asal aqad disempurnakan
<b>2. Bertulis</b>	➤ Digalakkan khususnya jika melibatkan hutang.
<b>3. Perbuatan atau isyarat</b>	➤ Dibenarkan bagi perkara yang kecil nilainya. ➤ Dikenali juga dengan jual beli “ <i>bai ’ al-ta ’ ati.</i> ”

# Dalil Perlunya kepada Persetujuan Kedua dua Pihak Berkontrak

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً  
عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا) (29)

29. “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta-harta kamu di antara kamau dengan cara yang batil, kecuali dengan perdagangan yang kamu saling redha. Dan janganlah kamu membunuh diri-diri kamu , sesungguhnya Allah itu Maha Kasih Sayang kepada kamu”. Surah al-Nisa

# Cara Pertukaran/Bayaran dalam Jual Beli

- Terdapat Tiga Cara

Bil	Jenis	Bayaran harga	Barang	Keterangan
1	Tunai	Wujud semasa aqad	Wujud semasa aqad	Jenis biasa
2	Kredit/ Hutang	Tanggung(harga) sesuai dengan kadar tempoh masa yang dipersetujui	Wujud semasa waktu aqad	Jualan dengan harga tanggung (kredit)
3	Salam / Istisna'	Wujud semasa waktu aqad	Tanggung(barang) sesuai dengan kadar tempoh masa yang dipersetujui	Penangguhan berlaku pada serahan barang

# Dalil Berkenaan Jual Beli Bertanggung

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى  
فَأَكْتُبُوهُ ۖ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب  
كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan hutang -piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya...”

*(Surah al-Baqarah: ayat 282)*

# Perkara yang Dilarang dalam Jual Beli

- ❖ Riba
- ❖ Gharar, (Ketidak tentuan),
- ❖ Jahalah
- ❖ Taghrir (Penipuan)
- ❖ Maisir (Judi)
- ❖ Larangan lain:

Gabungan dua aqad dalam satu, gabungan/pensyaratan pinjaman dengan jual beli, menjual barangan yang tidak halal.



# Contoh Jual Beli yang Dilarang kerana gharar, jahalah dan ketidakadilan

1. Mulamasah (jual barang yang tertutup, hanya boleh sentuh tak dapat tengok).
2. Munabazah (jual beli berlaku ke atas apa yang dicampak/hulur).
3. Najsh (Pihak ketiga berpura pura menawarkan harga supaya pembeli jadi beli).
4. Menjual sesuatu sebelum dimiliki (qabad)
5. Urbun. Bayaran pedahuluan yang akan hangus sekiranya tidak jadi beli.

# Sambungan

6. Bai'atan fi Bai'ah (Dua aqad Jual beli dalam satu aqad).
7. *Bay' al-hadir li al-Badi* , jual beli broker/orang tengah dengan harga yang tidak sepatutnya.
8. Menjual anak binatang ternakan di dalam kandungan.
9. Menjual sesuatu yang tidak dapat diserahkan
10. Membeli barang yang sedang dibeli oleh orang lain.

# Sambungan Jual Beli yang Dilarang Kerana Melibatkan Riba

1. Jual beli emas, perak dan matawang secara bertanggung serahan atau bayaran.
2. Bay' wa salaf. Ia adalah jual beli yang disyaratkan dengan pinjaman.
3. Bay ' al-wafa. Menjual dengan syarat boleh beli balik pada harga yang sama.
4. al-Inah. Menjual sesuatu barang dengan harga bertanggung lebih mahal dan membeli balik barang yang sama dengan harga tunai yang lebih murah.

# Kesan jual beli yang dilarang

Aqad tidak sah dan pemilikan juga tidak sah dan dianggap haram

# Pembahagian Larangan

**Pertaman: Haram li zatihi**, sesuatu diharamkan pada zatnya samada perbuatan ata perkara.

- Perbuatan Seperti: Mencuri, merompak, menipu, menindas, mengenakan riba, judi *jahalalah* (ketidaktahuan barang, harga dan pihak jual beli), merasuah, mengambil harta org secara batil, membazir dll.

Perkara: Babi, arak, rokok, bahan lucah

# Sambungan larangan

**Kedua: Haram li ghairihi** (diharamkan oleh kerana faktor luar) seperti menjual anggur, beras atau barlie kepada pembuat arak.

-Menjual senjata kepada penjenayah.

-larangan jual beli selepas azan kedua solat Jumaat

-Sekim-sekim cepat kaya menggunakan hibah dll

# Perlesenan (LESEN & TANPA LESEN)

- Sekiranya perkara yang dijual pada asalnya harus, perlesenan berkait rapat dengan Haram li ghairi iaitu larangan yang berkaitan dengan faktor luaran.
- Perlu diingat untuk mendapatkan keberkatan juga perlu kita patuh kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa demi kepentingan dan kemasalahatan umum yang tidak bercanggah dengan Sharak. Ia adalah kepatuhan kepada suruhan Allah SWT:

- **يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ تَأْوِيلًا (59)**
-

# Khiyar, Jaminan dan Insuran

Instrumen-instrumen ini berkait rapat dengan syarat pelaksanaan jual beli untuk melindungi pihak yang berkontrak.

- Khiyar adalah syarat yang dibuat oleh penjual atau pembeli samada ingin meneruskan jual beli atau tidak.
- Jaminan boleh berlaku ke atas barangan atau pembayaran hutang harga pembelian.
- Insuran ke atas barang atau bayaran pinjaman mestilah dengan cara patuh Shariah iaitu Takaful



# Maqasid Shariah

Maqasid Shariah melibatkan penjagaan 5 perkara asasi:

- Menjaga Agama
- Menjaga nyawa
- Menjaga harta
- Menjaga nasab keturunan
- Menjaga marwah

Penjagaan harta adalah berkait rapat dengan maqasid yang lain.


# Maqasid Shariah di Sebalik pensyariatan jual beli/ perdagangan

1. Ketelusan dan Keterbukaan dalam Aktiviti *Muamalat (wuduh al-amwal)*, Ketelusan Aktiviti Ekonomi dan Kewangan
2. Pelaburan dan Pembangunan Kekayaan Secara Berterusan
3. Memenuhi Keperluan dan Pencapaian Kemakmuran Masyarakat yang Menyeluruh
4. Kesahihan Transaksi dan Pemilikan Harta (*thabat al-amwal*)
5. Peredaran Harta (*rawaj al-amwal*)

- Sekian
- Terima Kasih
- [Drazman.net](http://Drazman.net)

**'If wealth was the inevitable result of hard work and enterprise, every woman in Africa would be a millionaire.'**

— George Monbiot



David Avocado Wolfe